



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

SIARAN MEDIA AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

PELANCARAN PROGRAM TRANSFORMASI PERKHIDMATAN BAS BERHENTI-HENTI (SBST) – BAS.MY KOTA BHARU

KOTA BHARU, 29 Januari 2026 – Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook bersama-sama Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud telah melancarkan Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti atau *Stage Bus Services Transformation* (SBST) Kota Bharu di Pekarangan Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu.

Pelaksanaan SBST Kota Bharu melibatkan 16 laluan di 11 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam serta Majlis Daerah Bachok, Gua Musang, Ketereh, Kuala Krai, Machang, Pasir Mas, Pasir Puteh, Tanah Merah, Tumpat dan Jeli.

Perkhidmatan bas ini dikenali sebagai **BAS.MY Kota Bharu**, menampilkan reka bentuk bas berwarna merah jambu yang ceria dan menarik. Operasi perkhidmatan disokong oleh **64 buah bas merangkumi 8 bas EV midi, 24 bas mini low floor dan 32 bas mini**, lengkap dengan kemudahan penghawa dingin, sistem GPS, mesin tiket elektronik serta CCTV bagi menjamin keselamatan dan keselesaan penumpang.

BAS.MY Kota Bharu turut memperkenalkan sistem pembayaran tambang tanpa tunai menggunakan kad debit/kredit serta e-dompot melalui kod QR. Warganegara Malaysia juga boleh menikmati **Kad 30 Hari BAS.MY** bernilai RM30 untuk perjalanan tanpa had, selain tambang percuma kepada **golongan Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, pelajar sekolah dan siswa** melalui **Kad Konsesi BAS.MY**.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

Selain itu, pengguna boleh memanfaatkan aplikasi perancang perjalanan yang menyediakan maklumat perkhidmatan dan membantu perancangan perjalanan pengangkutan awam dengan lebih mudah dan efisien.

Pelaksanaan SBST ini membuktikan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memperkasa sistem pengangkutan awam negara, khususnya di luar Lembah Klang. Melalui peranan APAD, **perkhidmatan BAS.MY Kota Bharu** terus dipastikan cekap, selamat, mesra pengguna dan boleh diharap bagi meningkatkan mobiliti serta kesejahteraan rakyat, **selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang berteraskan nilai Kesejahteraan dan Ihsan.**

AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT
29 Januari 2026

##TAMAT##

Tentang APAD:

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

Pertanyaan Media

Agensi Pengangkutan Awam Darat

Tel +603 2603 6600 (Talian Umum)

+603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)

E-mail ukk@apad.gov.my